



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**13 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

**AKHBAR**

**MUKA SURAT**

**The Star**

- |                                       |    |
|---------------------------------------|----|
| - Pay parking summons with MPAJ's app | 04 |
|---------------------------------------|----|

**Sinar Harian**

- |                                                |    |
|------------------------------------------------|----|
| - SPRM masih tunggu tarikh MB tandatangani IBR | 18 |
|------------------------------------------------|----|

**Harian Metro**

- |                                      |    |
|--------------------------------------|----|
| - Giat kukuh cerun elak tanah runtuh | 72 |
|--------------------------------------|----|



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**13 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

Akhbar	The Star
Tajuk Berita	Pay parking summons with MPAJ's app
Muka Surat	04

## Pay parking summons with MPAJ's app

SETTLE your traffic ticket via your smartphone in two minutes with the MPAJ Parking mobile app's new feature.

Motorists in Ampang Jaya are the latest to make use of the updated app by the Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ).

Developed by Leading Innovative Technologies & Systems Sdn Bhd (LiTS), the app previously allowed users to pay parking fees as well as purchase monthly passes, complementing the current coupon system.

MPAJ president Abdul Hamid Abdul Hussain hoped the easier payment options would encourage motorists to settle their parking compounds.

"Many gave the excuse that it was a hassle to queue up at MPAJ office to settle summonses.

"But now they can settle their compounds immediately through their MPAJ Parking credit," he said, adding that offenders would be eligible for discounts offered if they paid via the app.

Abdul Hamid said there were currently some RM450mil in unpaid parking compounds.

"The most number of parking compounds issued to a single vehicle is 430 tickets and there are numerous such cases."

"With the added feature, enforcement officers have access to prior offences and can make decisions on what action should be taken, either to compound, tow or clamp the vehicle," he explained.

He added that the parking payment option was available in all 22 areas that had been gazetted for

parking in the municipality.

LiTS chief executive officer Lai Thiam Sin said motorists could scan the barcode found on their ticket using their smartphones and pay the fine using their credit.

"It allows for real-time data to be uploaded immediately into the system."

"The scanning technology makes it easier for motorists and minimises errors caused by wrongly keying in the ticket numbers."

"When users scan their tickets, they will be able to see the list of offences accompanied by pictures," he elaborated.

He revealed that the company was also in the trial phase of implementing a licence-plate recognition scanner, so it would be easier for enforcement officers to check the vehicle registration.

Since the roll-out of the MPAJ Parking mobile app on May 1, there has been 10,000 downloads with 70% of users below the age of 40.

"We are seeing a monthly increase of 20% to 30% as more people become aware of the app and how user-friendly it is," said Lai.

The app is available for download from Google Play Store and the Apple App Store. Those who have previously downloaded the app only need to update it to enjoy the new features.

The parking payment feature is also available in the FlexiParking mobile app that is used by Shah Alam City Council as well as the Kajang, Selayang and Sepang municipal councils.

— By SHALINI RAVINDRAN



Abdul Hamid hopes the easier payment options will encourage motorists to settle their parking compounds.



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**13 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	SPRM masih tunggu tarikh MB tandatangani IBR
Muka Surat	18

## SPRM masih tunggu tarikh MB tandatangani IBR

**PANDAN INDAH** – Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) masih lagi menunggu Kerajaan Selangor menandatangani Ikrar Bebas Rasuah (IBR).

Pengarah SPRM Selangor, Datuk Wan Ramli Wan Abdullah berkata, hanya Selangor belum menandatangani IBR dan berharap negeri berkenaan dapat melakukannya dalam masa terdekat.

Menurutnya, sebelum ini Pulau Pinang dan Kelantan sudah menandatangani IBR.

"SPRM sudah hubungi kerajaan negeri Selangor untuk tujuan itu dan setakat ini mereka beri respons positif dan bersetuju melaksanakannya," katanya.



Abd Hamid (kiri) dan Wan Ramli pada majlis IBR MPAJ.

Wan Ramli berkata, pihaknya dimaklumkan, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali kini sedang dalam proses memilih tarikh yang bersesuaian untuk majlis IBR.

"Saya harap beliau segera beri respons kepada SPRM," katanya pada sidang media selepas merasmikan majlis IBR

peringkat MPAJ, di sini, baru-baru ini.

Sementara itu, Yang Dipertua MPAJ, Abd Hamid Hussain berkata, MPAJ juga telah melaksanakan beberapa kawalan dalam dengan melaksanakan Ikrar Integriti Korporat (CIP), penubuhan Unit Integriti, kawalan audit dalam dan audit kawalan

perolehan yang telah dijalankan oleh Audit Negeri Selangor.

"MPAJ juga giat laksanakan program dan aktiviti anti rasuah bagi menerapkan nilai mahmudah dan menghindarkan sifat-sifat mazmumah dalam diri warga kerja MPAJ," katanya.

Katanya, seramai empat kakitangan telah diambil tindakan dan seramai 15 kakitangan telah dikenakan hukuman tata tertib oleh Jawatankuasa Tata tertib MPAJ sepanjang tempoh tahun lalu hingga kini.

"Saya harap semua pegawai dan kakitangan menyahut langkah proaktif dalam merealisasikan objektif IBR," katanya.



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**13 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

Akhbar	Harian Metro
Tajuk Berita	Giat kukuh cerun elak tanah runtuh
Muka Surat	72

**HARIAN METRO**

## Giat kukuh cerun elak tanah runtuh

**Ampang:** Pengukuhan atau pemstabilan cerun di sekitar daerah ini dilihat semakin giat dilaksanakan bagi mengelakkan sebarang kemungkinan tanah runtuh.

Tinjauan Harian Metro di beberapa kawasan seperti Bukit Antarabangsa, Taman Bukit Permai dan Lembah Jaya mendapati pelbagai teknik digunakan bagi mengukuhkan semula permukaan batu di lereng cerun batuan.

Tindakan itu juga sekali gus dapat mengurangkan risiko cerun kritisik kepada kurang bahaya.

Selain itu, bagi mengurangkan bahaya, papan tanda amaran cerun dan tanah runtuh di tepi jalan juga dilakukan sebagai peringatan.

Seorang penduduk yang hanya mahu dikenali sebagai Rahman, 50-an berkata, penyelenggaraan merangkumi kerja pembersihan saluran longkang di kawasan cerun dan membuang pokok liar juga dilihat sebagai tindakan awal untuk mengenal pasti kegagalan cerun.

"Kejadian tanah runtuh di Bukit Antarabangsa pada 2008 antara yang masih saya

ingati. "Itu kejadian yang paling besar pernah saya lihat.

"Sudah sembilan tahun ia berlalu, kerja menstabilkan cerun di tempat itu juga sudah dibuat agar keselamatan kami yang masih mendiami kawasan sekitar terus terjamin," katanya.

Menurutnya, kejadian tanah runtuh itu meninggalkan kesan mendalam kepada mereka dan sentiasa bersiap sedia sekiranya hujan lebat tanpa henti terus berlaku.

"Apa boleh buat, inilah nasib kami yang tinggal berdekatan lereng bukit dengan harapan pihak berkuasa akan terus menjalankan kerja mereka dengan memantau keadaan untuk keselamatan penduduk.

"Sejak peristiwa itu, memang ramai yang mengambil iktibar dan untuk pemaju perumahan, saya berharap mereka sentiasa membina penahanan cerun dan lereng di kawasan pembinaan," katanya.

Difahamkan, Ampang adalah satu kawasan yang mempunyai banyak cerun iaitu sebanyak 352 di 600 lokasi.



KAWASAN tanah runtuh di Jalan Bukit Mewah Bukit Antarabangsa.